

13/08/1999

PM mahu keberanian Azhar diteladani

SEREMBAN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat membentuk peribadi Melayu dan Rakyat Malaysia Baru, yang berani menghadapi cabaran bagi melakukan sesuatu yang boleh mengagumkan dunia dan diri sendiri.

Perdana Menteri menjadikan pelayar, Datuk Azhar Mansor, yang berjaya mengelilingi dunia secara solo dengan Jalur Gemilang, sebagai contoh terbaik peribadi rakyat Malaysia Baru.

"Inilah yang dikatakan 'Melayu Baru, Malaysia Baru', yang berani menghadapi cabaran. Tidak seperti dulu, kita rasa kita bangsa yang rendah, hina dan tak boleh mencapai apa-apa pun," katanya pada perjumpaan dengan kakitangan kerajaan di Dewan Majlis Perbandaran Seremban di sini, hari ini.

Beliau dalam rangka lawatan kerja dua hari ke negeri ini. Hadir sama Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir berkata, kerajaan melakukan pelbagai usaha sejak negara merdeka untuk membentuk peribadi baru di kalangan rakyat supaya mereka yakin dan berbangga dengan kebolehan sendiri.

Ketika negara mencapai kemerdekaan, katanya, rakyat terutama bangsa Melayu dan Bumiputera yang lain sentiasa melihat orang lain lebih daripada mereka.

"Mereka cuma bangsa kerdil yang tidak boleh berbuat apa-apa. Kemerdekaan tidak bermakna kalau kita hanya meneruskan keadaan kita seperti sedia kala seperti ketika kita dijajah.

"Kemerdekaan tidak ada makna kalau ia tidak mengubah nasib kita, bangsa kita, membangunkan negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, di bawah pentadbiran sekarang, negara bergerak ke arah yang betul bagi mencapai kejayaan lebih besar. Bagaimanapun, jika tersilap membuat pilihan, mustahil hasrat yang dicita-citakan itu tercapai.

Beliau berkata, anggapan bahawa semua kerajaan yang sudah mencapai kemerdekaan secara automatik memberikan segala faedah kepada rakyat adalah salah kerana ada negara lain turut gagal berbuat demikian walaupun sudah merdeka.

"Kita akui mengalami beberapa kegagalan, tetapi dalam bidang lain kita mencapai kejayaan membanggakan," katanya sambil memberi contoh projek yang dilaksanakan oleh Felda dan Lembaga Tabung Haji.

Dr Mahathir juga meminta kakitangan awam memastikan mereka komited apabila menjalankan tugas dengan melaksanakan semua dasar yang diputuskan kerajaan walaupun mereka mempunyai pandangan berbeza dari segi fahaman politik.

"Hasrat kerajaan untuk memajukan negara ini akan tinggal impian saja jika mereka gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cekap. Sebab itulah kita mahukan semua kakitangan sentiasa cekap," katanya.

Beliau berkata, kakitangan awam harus menyedari pentingnya tugas sektor swasta dan kerana itu, hendaklah memberikan sokongan terhadap konsep Persyarikatan Malaysia bagi meningkatkan ekonomi negara.

Sehubungan itu, katanya, mereka tidak harus melengah-lengahkan proses kelulusan permohonan pihak berkenaan atau meminta sesuatu daripada mereka sebagai balasan.

(END)

